



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MESYUARAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM 2025 PERKUKUH KERJASAMA PERSEKUTUAN DAN NEGERI

MELAKA, 19 Ogos 2025 – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah menganjurkan Mesyuarat Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Tahun 2025 yang telah berlangsung di Hotel Hatten, Melaka pada hari ini. Mesyuarat yang diadakan secara dwitahunan ini merupakan platform penting bagi memperkukuh kerjasama strategik dan perkongsian maklumat antara semua Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Mesyuarat kali ini telah dipengerusikan oleh **Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP), YBhg. Dato' Sri Jailani Muhamed Yunus**. Turut hadir ialah Pengerusi, Ahli Suruhanjaya dan Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Suruhanjaya Pasukan Polis, sembilan (9) Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri serta wakil Pengurus Sumber Manusia dari Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Mesyuarat ini bertujuan untuk berkongsi amalan terbaik dalam urusan pengambilan dan pengurusan perkhidmatan penjawat awam bagi memastikan keberkesanan serta ketelusan proses. Selain itu, ia juga bertujuan mendapatkan maklumat terkini mengenai dasar-dasar baharu yang diperkenalkan oleh agensi pusat supaya pelaksanaannya di peringkat negeri dan persekutuan selaras dengan keperluan semasa. Di samping itu, mesyuarat ini berperanan mengukuhkan jaringan strategik antara semua pihak berkuasa melantik (PBM) demi memperkasakan kerjasama antara persekutuan dan negeri.

Hasil perbincangan akan digunakan untuk memperkemas proses pelantikan, pengesahan perkhidmatan, kemasukan ke jawatan berpencen, kenaikan pangkat, pertukaran perkhidmatan dan kawalan tata tertib dengan matlamat memastikan perkhidmatan awam kekal cekap, telus dan responsif terhadap kehendak rakyat.

Sempena pengumuman mesyuarat tersebut, SPA juga telah mengadakan Karnival Kerjaya MADANI SPA Melaka pada 17 Ogos 2025 bertempat di Hotel Hatten, Melaka yang telah menerima jumlah pengunjung seramai lebih 1,500 orang. Program ini menyediakan platform kepada orang ramai untuk mendapatkan perkhidmatan konsultasi berkaitan urusan SPA seperti maklumat pengambilan ke perkhidmatan awam, khidmat padanan jawatan (*job matching*), semakan status permohonan calon dalam Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) serta pendaftaran pekerjaan melalui sistem tersebut. Selain itu, turut diadakan sesi taklimat kerjaya, perkongsian panduan menduduki ujian psikometrik, dan tips menghadiri temu duga.

Justeru itu, pengumuman mesyuarat ini bukan sahaja medan bertukar pandangan, malah menjadi titik tolak kepada pembaharuan, cabaran dan peluang baharu dalam memperkasa sistem perkhidmatan awam negara agar ia terus relevan dan mampu memenuhi cabaran abad ke-21.

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
19 OGOS 2025